

08/11/2003

Pak Lah lepas ujian awal minggu pertama

Kadir Dikoh

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta pembantu kanannya supaya membuang perenggan terakhir ucapannya mengenai usul terima kasih kepada Tun Dr Mahathir Mohamad serta arah haluan kepemimpinan sebelum disampaikan di Dewan Rakyat Isnin lalu.

Perenggan itu antara lain berbunyi: "KepadaMu Ya Allah, hamba-Mu ini memohon petunjuk dan hidayah, kekuatan dan kecekalan, kesabaran dan kesungguhan..."

Bagaimanapun, pembantu kanan Perdana Menteri itu keberatan berbuat demikian atas alasan tersendiri dan menasihati Abdullah atau lebih mesra dipanggil Pak Lah, membacanya juga. Akibatnya Pak Lah sebak dan hampir menitikkan air mata ketika menghabiskan bacaan perenggan terakhir itu. Mungkin Pak Lah sudah menyedari akan kesan itu dan cuba mengelaknya.

Suara Pak Lah tersekat-sekat dan terus tenggelam apabila menyebut dua patah perkataan terakhir, menyebabkan barisan Kabinet dan Ahli Parlimen, kelihatan turut tergamam. Beliau sudah sebak pada separuh ucapannya apabila menyebut: "Saya amat insaf betapa tanggungjawab ini menuntut saya melaksanakan secara amanah - secara jujur, secara cekap, secara adil. Saya lebih sedar betapa tanggungjawab ini akan dinilai oleh rakyat keseluruhannya dan lebih daripada itu, oleh Allah."

Itulah Pak Lah, pemimpin yang sentiasa berserah kepada Allah dan berpegang teguh kepada ajaran al-Quran sebagai ad-din serta mula menerapkannya bagi menyuluh laluan kepemimpinannya selepas ini - sejajar latar belakang keluarganya yang kuat berpegang kepada agama.

Teks ucapan itu sudah beberapa kali diubah suai oleh Pak Lah sendiri dan itulah ucapan sulungnya di Dewan Rakyat selaku Perdana Menteri, yang antara lain beliau memberi jaminan akan meneruskan segala dasar yang digariskan oleh pemimpin sebelumnya.

Pak Lah menegaskan bahawa Wawasan 2020, ilham Dr Mahathir, akan terus menjadi inspirasinya memacu pembangunan secara menyeluruh bagi mencapai taraf negara maju.

Namun, dalam minggu pertama menerajui kerajaan dan Umno, Pak Lah sudah membuat kejutan tersendiri dengan menidakkan pelbagai ramalan apabila tidak mengumumkan pelantikan bagi mengisi kekosongan jawatan Timbalan Perdana Menteri yang dikosongkannya sejak sembilan hari lalu.

Orang ramai, terutama pihak media meramalkan beliau akan membuat pengumuman itu pada sidang akhbar selepas mesyuarat Kabinet Rabu lalu, kononnya itu adalah 'platform' terbaik untuk berbuat demikian. Kemungkinan itu semakin dirasai apabila Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya menjemput wartawan ke sidang akhbar selepas mesyuarat Kabinet yang pertama dipengerusikan Pak Lah sebagai Perdana Menteri itu, tetapi jawapan yang dinanti-nantikan tidak kunjung tiba.

Ini menyebabkan wartawan, malah rakyat Malaysia pada umumnya, mengalihkan perhatian kepada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno keesokan hari, iaitu Khamis lalu dengan menjangka Pak Lah akan mengumumkannya selepas itu - kononnya satu lagi 'platform' paling sesuai kerana tokoh yang bakal dinamakan itu adalah daripada kalangan pemimpin kanan Umno.

Andaian itu semakin kuat kerana berdasarkan sejarah lalu, Dr Mahathir menamakan Pak Lah sebagai Timbalan Perdana Menteri selepas mesyuarat MT Umno pada 8 Januari 1999. Bagaimanapun, ramalan itu terus meleset.

Sekali lagi, jangkauan yang sama muncul semalam apabila beliau mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) - kononnya

itu juga 'platform' terbaik iaitu mengumumkan nama orang nombor dua dalam kerajaan di hadapan semua pemimpin 14 parti komponen.

Segala-galanya meleset tetapi Pak Lah tetap melayan soalan berkaitan dengan tenang, senyum dan kadangkala bersahaja.

Tentu kita masih ingat apabila jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan kosong berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 1998 menyebabkan wartawan bertanya kepada Dr Mahathir hampir dalam setiap sidang akhbar dan begitu juga apabila Tun Daim Zainuddin meletak jawatan Menteri Kewangan.

Wartawan sendiri akan terkena dengan sindiran balas Dr Mahathir dengan kata-kata seperti "anda (wartawan) berminat ke? (dilantik ke jawatan itu)," "nak borang tak, saya boleh bagi," "saya belum ada ilham, berilah saya nasihat" atau "berpuluh nama ada."

Akhirnya apabila wartawan sudah tidak berminat lagi untuk bertanya isu berkaitan, tiba-tiba Dr Mahathir mengumumkannya.

Kini semua tiga 'platform' - mesyuarat Kabinet, MT Umno dan Dewan Tertinggi BN sudah berlalu. Di mana lagi agaknya 'platform' selepas ini digunakan oleh Pak Lah untuk membuat kejutan itu.

"Mungkin Pak Lah membuat pengumuman itu dalam majlis biasa yang tidak di sangka-sangka selepas ini atau berbentuk kenyataan. Jika ini dilakukannya - pasti satu lagi kejutan besar," kata seorang pengarang akhbar, merujuk kepada majlis yang dijangka dihadiri Pak Lah hari ini dan esok.

Hari ini Pak Lah mengadakan mesyuarat dengan Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang dan bergegas kembali ke Kuala Lumpur selepas berbuka puasa.

Pagi esok pula beliau menghadiri Konvensyen Kebangsaan Jentera Pilihan raya Umum MIC di Shah Alam dan amanatnya akan disiarkan secara langsung oleh RTM, manakala pada sebelah petang menghadiri sambutan Hari Kitar Semula di Dataran Putra, Putrajaya.

Isnin ini, Pak Lah akan menghadiri perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri sebelum ke Dewan Negara dan Selasa pula diberi taklimat di Kementerian Kewangan, manakala Khamis menghadiri majlis bersama Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Berdasarkan senarai acara dalam tempoh terdekat ini, tidak ada acara sepenting mesyuarat MT dan BN, yang boleh dikaitkan sebagai 'platform' terbaik.

"Sebaik-baiknya, elok disediakan saja profil bakal Timbalan Perdana Menteri sekarang - satu cukup," kata pengarang muda itu dengan penuh yakin.

Sebaliknya, apa yang diumumkan oleh Pak Lah selepas mesyuarat Kabinet di Putrajaya Rabu lalu ialah tiada rombakan Kabinet atau pelantikan baru buat masa ini.

"Saya belum bersedia untuk buat pengumuman lagi. Bila saya sedia dan dah buat keputusan, saya akan buat pengumuman. Nak spekulasi buat apa kerana saya tentu akan lantik Timbalan Perdana Menteri. Saya perlu kepada timbalan dan saya akan pilih orang yang saya fikir boleh membantu saya di samping itu boleh memberi kepemimpinan yang baik," katanya.

Wartawan asing misalnya cuba juga mendapatkan clue dengan bertanya sama ada beliau sudah membuat keputusan atau sama ada pelantikan itu akan dibuat sebelum mahupun selepas pilihan raya umum diadakan, tetapi Pak Lah tetap dengan pendiriannya.

Malah, wartawan terus bertanya isu yang sama pada sidang akhbar selepas mesyuarat MT Khamis lalu tetapi dengan memusing pula soalan, iaitu sama ada jawatan Timbalan Perdana Menteri akan dilantik sebelum beliau menghadiri Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Nigeria pada 5 hingga 8 Disember ini.

Bagaimanapun, katanya, beliau sendiri belum membuat sebarang keputusan sama ada akan ke Abuja atau tidak. Malah, katanya, mesyuarat MT itu juga

tidak membincangkan mengenai jawatan pemangku Timbalan Presiden Umno.

Soal jawatan Timbalan Perdana Menteri sebenarnya isu sampingan kerana akhirnya ia akan diisi tetapi kita mungkin lupa, Pak Lah sudah melepasi ujian awal dengan memberi bayangan pendekatan bentuk kepemimpinan yang diterajuinya selepas ini - "bekerja bersama saya, bukan bekerja untuk saya" bagi meneruskan kesinambungan pembangunan negara yang diwarisinya daripada kepemimpinan sebelum ini.

Jika diteliti ucapan dan kenyataan Pak Lah sejak menyandang jawatan Perdana Menteri 31 Oktober lalu, pendekatan beliau lebih melihat ke dalam diri, mengubahsuai segala kelemahan pentadbiran dari peringkat akar umbi, mengetepikan amalan tidak sihat seperti rasuah tanpa memperkenalkan sebarang dasar baru setakat ini - satu pendekatan awal yang dilihat menutup terus peluang pembangkang melontar "peluru" pertama kepada Perdana Menteri kelima itu.

Nescaya ucapan sulungnya di hadapan kira-kira 30,000 rakyat yang menyambut kepulangannya di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas di Pulau Pinang, Sabtu lalu boleh dijadikan pedoman apabila mengajak seluruh rakyat bekerjasama dengannya menerusi amalan "bekerja bersama saya, bukan bekerja untuk saya."

Pesanan ibunya, Datuk Kailan Hassan supaya jangan bangga diri dengan jawatan baru itu, tetap diterima sebagai panduan hidup oleh Pak Lah apabila menjelaskan bahawa pelantikannya sebagai Perdana Menteri bukan kebesaran untuk dirinya atau keluarga.

"Pelantikan ini adalah satu tanggungjawab yang diamanahkan kepada saya untuk menjalankan tugas dengan baik demi masa depan negara. Saya mohon kerjasama tuan-tuan mendoakan saya sentiasa sihat dan diberi petunjuk sepanjang masa untuk kebaikan kepada semua kaum," katanya kemudian pada majlis sambutan kepulangan beliau di Kepala Batas.

Tugas pertamanya keesokan hari iaitu pada Ahad, Pak Lah turun padang menemui mangsa banjir, di kawasan Kuala Muda dekat Alor Star. Pendekatan itu sekali lagi menonjolkan keprihatinannya kepada nasib golongan yang sedang menghadapi masalah.

Dalam sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno yang pertama sejak pelantikan itu, Pak Lah yang juga Pemangku Presiden Umno mahu semua peringkat pemimpin Umno, termasuk menteri besar dan ketua menteri mengamalkan pendekatan permuafakatan dan mengurangkan 'politiking'.

Katanya, pemimpin parti perlu menunjukkan bahawa Umno kini adalah sebuah pertubuhan yang utuh, terutama dari segi kerjasama dengan ahli.

"Malah pendekatan untuk bekerjasama dengan rakyat berdasarkan bekerja dengan saya, bukan untuk saya, diterima baik oleh ahli MT dan ia patut dijadikan amalan semua pemimpin Umno supaya sentiasa menemui rakyat.

"Ahli dan pemimpin Umno perlu bekerja kuat untuk rakyat, menangani segala permasalahan mereka dan jangan menangguhkan pelaksanaan projek pembangunan, dengan harapan supaya segalanya sempurna dalam usaha mencapai kemenangan besar pada pilihan raya umum akan datang," katanya.

Dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN semalam, Abdullah berkata semua parti komponen sepakat untuk tidak melobi pengagihan kerusi bagi dipertandingkan pada pilihan raya umum akan datang.

Pengerusi BN yang baru itu berkata, ini kerana soal pembahagian kerusi dilakukan secara adil dengan mengambil kira segala-galanya, tanpa perlu bagi mana-mana parti anggota untuk melobi seperti sebelum ini.

Pada Isnin lalu, beliau ke Dewan Rakyat dan pada sebelah malamnya berbuka puasa, solat Maghrib, tahlil, doa selamat serta solat Isyak dan Tarawih bersama Ahli Parlimen di Dewan Bankuasi Parlimen. Dalam ucapannya pada majlis itu, Pak Lah meminta semua wakil rakyat supaya menjaga imej

institusi masing-masing dengan memastikan amalan demokrasi di negara ini sihat dan memanfaatkan rakyat.

Beliau mahu mereka membuktikan bahawa di Malaysia ini amalan demokrasi benar-benar sihat dan memberi manfaat kepada rakyat.

Mesej awal Pak Lah sudah menjanjikan sesuatu yang memberi pengharapan baru apabila mengarahkan supaya kakitangan awam meningkatkan mutu kerja serta memperkukuhkan perkhidmatan, kurangkan kerenah birokrasi dan perangi gejala rasuah.

Dengan itu, beliau mengarahkan setiap kementerian menubuhkan pasukan petugas khas bagi menstruktur semula fungsi pejabat dan pegawai daerah serta pihak berkuasa tempatan (PBT). Langkah itu bagi memastikan rakyat mendapat perkhidmatan lebih pantas dan terbaik daripada agensi berkaitan.

Pak Lah mahu setiap menteri harus berusaha mengurangkan kerenah birokrasi supaya masa menunggu kelulusan dipendekkan, supaya rasuah tidak membiak.